

## Untuk Siaran Segera



### **PR1MA Lancarkan Pembangunan Berteraskan Transit untuk Kemudahan Generasi Muda**

*712 Unit Kediaman Mampu Milik Bakal Dibina*

KUALA LUMPUR, 29 April, 2022 -- Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob hari ini telah hadir ke Majlis Perasmian Pecah Tanah Residensi PR1MA - Astrum Ampang bagi pembangunan usaha sama antara Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) dan Astrum Ampang Sdn. Bhd. (Astrum Ampang) untuk membangunkan satu projek pembangunan berteraskan transit atau '*Transit Oriented Development*' (TOD) di Jelatek, Kuala Lumpur. Projek ini dijangka bakal memberi manfaat kepada anak muda yang sedang membina kerjaya di ibu kota.

Pembinaan ini adalah selari dengan Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12) yang berlatarkan Aspirasi Keluarga Malaysia dan "Satu Keluarga, Satu Rumah". Ia juga merupakan sebahagian daripada sasaran penyediaan 100,000 rumah mampu milik yang telah dimandatkan kepada PR1MA di bawah RMKe-12.

Semasa upacara tersebut, Perdana Menteri diiringi Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican bersama wakil kepimpinan PR1MA yang diketuai Pengerusi PR1MA Dato' Dr. Fathul Bari bin Mat Jahya dan Ketua Pegawai Eksekutif PR1MA, Datuk Seri Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff juga telah melawat tapak pembinaan tersebut bagi tujuan penerangan mengenai spesifikasi dan kemudahan yang bakal ditawarkan melalui pembinaan ini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican berkata pembinaan ini adalah contoh kepada pembangunan masa hadapan yang menitikberatkan keperluan transit di dalam kehidupan seharian. "Pembangunan TOD dipercayai mampu mengurangkan bebanan sara hidup anak muda di samping membolehkan mereka mempunyai kediaman sendiri dalam lingkungan kemampuan di kawasan perbandaran," katanya.

## Untuk Siaran Segera

Pengerusi PR1MA, Dato' Dr. Fathul Bari bin Mat Jahya berkata projek pembangunan ini juga telah pun mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan dan telah memulakan kerja-kerja pembinaan di tapak. "Kami menjangkakan pembinaan ini akan dapat disiapkan pada suku pertama tahun 2026. Pembangunan berteraskan TOD ini juga diharapkan akan menjadi sasaran untuk golongan M40 bandar, golongan belia dan mereka yang mencari rumah pertama untuk memiliki kediaman yang diidamkan," katanya.

Astrum Ampang ini akan dibangunkan oleh Astrum Ampang sebagai pemaju manakala PR1MA merupakan pelabur dan rakan usaha sama dalam pembangunan bercampur ini. Daripada jumlah keseluruhan kawasan, satu daripada empat fasa pembinaan akan dikhususkan untuk pembinaan kediaman PR1MA yang bakal memberi nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM180.80 juta.

Sebanyak 712 kediaman mampu milik berkonsepkan SOHO dan Apartmen Servis di bawah projek PR1MA ini akan ditawarkan dalam dua (2) jenis keluasan iaitu 450 kaki persegi dan 550 kaki persegi dengan harga jualan masing-masing adalah RM250,000 dan RM270,000. Walaupun harga yang ditawarkan adalah di dalam kategori mampu milik, pembeli akan menikmati pelbagai kemudahan fasiliti bersama seperti kolam renang, gimnasium, surau, gelanggang badminton dan taman permainan.

Selain itu, kediaman ini juga dibina di lokasi yang strategik iaitu empat kilometer daripada mercu tanda KLCC serta dalam radius berdekatan untuk kemudahan lain seperti sekolah, pusat beli belah, hospital, bank dan sebagainya. Kediaman yang bakal dibina ini juga akan disambungkan dengan laluan pejalan kaki ke Stesen LRT Jelatek yang bakal menghubungkan penduduk dengan LRT Laluan Kelana Jaya serta memberikan hubungan terus kepada KL Sentral yang merupakan hab pengangkutan Lembah Klang.

Untuk sebarang maklumat mengenai PR1MA, sila layari laman web PR1MA di [www.pr1ma.my](http://www.pr1ma.my) atau hubungi Pusat Panggilan PR1MA di 03-7628 9898 (tutup pada cuti umum di Negeri Selangor) atau e-emel kepada [info@pr1ma.my](mailto:info@pr1ma.my).

-TAMAT-

---